

SING IT!

Oleh

Nor Ella Fadzilah Binti Kamilan
ilakamilan@gmail.com

ABSTRAK

Menyanyi adalah salah satu fitrah kanak-kanak yang sukakan hiburan. Oleh kerana aktiviti menyanyi telah menjadi sebahagian daripada hidup kanak-kanak, proses pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih berkesan jika kurikulum pendidikan kanak-kanak diserapkan dengan aktiviti seumpama ini. Melalui aktiviti nyanyian, kanak-kanak akan dapat mengecam situasi dan memahami isu-isu yang berlaku di sekeliling mereka. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah nyanyian dalam menyelesaikan murid lemah dalam kemahiran mengecam huruf. Subjek dalam kajian ini terdiri daripada 6 orang kanak-kanak Prasekolah B, SK Permata Kuching yang dikenalpasti melalui ujian pra. Data-data dikumpulkan melalui ujian pasca, pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil analisis data mendapati bahawa seramai 4 orang kanak-kanak dapat mengecam huruf dengan lebih baik berbanding sebelum ini. Hal ini sekaligus menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran mengecam huruf seterusnya memperbaiki bacaan di dalam Bahasa Melayu umumnya dan Bahasa Inggeris khususnya. Berpandukan kaedah nyanyian dengan menggunakan beberapa carta lirik lagu yang dipilih, keputusan mendapati kaedah nyanyian dapat membantu kanak-kanak prasekolah dalam meningkatkan penguasaan kemahiran mengecam huruf.

Kata kunci : Kanak-kanak prasekolah, kaedah nyanyian, mengecam huruf

ABSTRACT

Singing is one nature of of children who love entertainment. Owing to sing has become part of a child's life. Teaching and learning process is more effective if the child's education curriculum infused with this kind of activities. Through singing activities, children will be able to recognize the situation and understand the issues that are happening around them. This research was conducted using certain method in solving students problem in recognizing letters. Subjects in this study consisted of six children of Preschool B, SK Permata Kuching identified through pre test. The data collected through the post test, observation and document analysis. Result of this analysis found that a total of four children not recognize letters better than before. It is thus showed an increase the skills. Based on the method, using a certain of singing charts selected, the results found that singing method can help preschool children in improving the proficiency of recognizing letters.

Keywords: Preschool children, singing method, recognizing letters

PENGENALAN

Konteks

Kajian ini membantu saya menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam membantu 6 orang murid prasekolah menguasai kemahiran mengecam huruf melalui kaedah menyanyi.

Saya sebagai pengkaji merupakan seorang guru pelatih yang menjalankan latihan Internship di Sekolah Pemata (bukan nama sebenar) di Bandar Kuching Sarawak selama 4 minggu. Semasa Praktikum Fasa III yang lepas di sekolah yang sama, pelbagai masalah telah berlaku sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung terutamanya di dalam kelas kajian iaitu kelas Prasekolah B. Antara masalah yang paling ketara ialah kemahiran mengecam huruf. Hal ini dapat dikenalpasti apabila saya membuat ujian secara tidak langsung pada hari pertama saya memasuki kelas tersebut. Murid prasekolah diminta untuk menyanyikan lagu ABC dan hampir kesemua mereka boleh menyanyikannya. Akan tetapi, apabila diminta untuk mengecam huruf contohnya huruf a, b, c, dan d, hampir separuh daripada murid-murid ini tidak dapat melakukannya. Ini membuktikan bahawa separuh daripada murid-murid Prasekolah B telah menghafal nama-nama huruf secara linguistik tetapi lemah dalam mengecam huruf secara visual dan mengetahui huruf tersebut.

Banyak teknik dan kaedah yang telah digunakan oleh guru-guru prasekolah untuk membantu murid-murid mengecam huruf seterusnya belajar membaca dengan lebih lancar. Antara kaedah paling popular adalah kaedah belajar sambil bermain. Walaubagaimanapun, saya ingin mencuba kaedah yang baru untuk membantu menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran saya di dalam kelas, Kaedah yang saya gunakan ialah kaedah menyanyi. Dalam kaedah ini saya menyepadukan teknik mengecam huruf dan membaca melalui penggunaan carta lirik lagu. Saya akan menyediakan lirik lagu di dalam carta yang lebih besar dan akan mengajar murid menyanyi melalui kaedah yang telah mereka selalu gunakan iaitu teknik hafalan melalui melodi lagu yang diperdengarkan.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Sebagai pembimbing, saya perlu menyemai minat dan motivasi dalam kalangan murid yang saya ajar. Saya dapati, semasa proses pembelajaran dan pengajaran, terdapat murid yang tidak mempunyai keyakinan untuk belajar.

Berdasarkan pengalaman praktikum Fasa I, II dan III yang lalu, saya telah mengalami banyak pengalaman berhadapan dengan murid-murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran mengecam huruf. Saya berasa sangat risau apabila ada antara murid yang masih tidak dapat mengecam huruf dengan baik. Pada saya, perkara ini tidak boleh dibiarkan memandangkan mereka akan memasuki alam pembelajaran formal bermula seawal 7 tahun. Guru perlu memainkan peranannya dalam membantu kanak-kanak yang bermasalah dalam kemahiran ini. Intervensi awal perlu dijalankan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai dengan tahap umur murid-murid prasekolah.

Oleh itu, dalam Praktikum Fasa III, saya telah mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah nyanyian dalam membantu meningkatkan penguasaan kemahiran mengecam huruf murid-murid prasekolah kajian.

Fokus Kajian

Berdasarkan latihan praktikum Fasa III yang dijalankan pada semester yang lepas, saya telah memfokuskan kepada masalah kemahiran mengecam huruf. Murid saya mempunyai kemahiran mengecam huruf yang terhad. Mereka hanya mampu menghafal tanpa mengetahui huruf-huruf tersebut. Murid-murid ini dapat menyebut huruf dengan betul tetapi tidak dapat mengecamnya apabila ditanya secara rawak apakah nama huruf tersebut. Hal ini terbukti apabila kebanyakan daripada mereka melakukan kesilapan semasa proses pembelajaran Bahasa Melayu - mengecam huruf dijalankan. Kesilapan yang sering dilakukan oleh murid ialah :

- 1- Dalam latihan memadankan huruf, murid hanya menggunakan kaedah tekaan rawak iaitu memadankan secara rambang huruf besar dengan huruf kecil.
- 2- Murid tidak menjawab soalan apabila saya bertanya huruf apa yang ditunjukkan kerana tidak tahu huruf tersebut. Jadual 2.1.1 dan Jadual 2.1.2 merupakan rakaman sesi pembelajaran di dalam kelas pada 26 / 6/ 2012 bersama dengan semua murid-murid prasekolah kajian. Rakaman dijalankan pada pukul 8.30 pagi, bagi Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu – Mengecam huruf A-Z.

Jadual 2.1.1 : Transkrip Perbualan 1


<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 2px 10px;">Aa</div>
<i>Guru : Murid- murid, huruf apakah ini?</i>
<i>Murid : (Melihat huruf tersebut) – diam dan tidak menjawab.</i>

Jadual 2.1.2 : Transkrip Perbualan 2

<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 2px 10px;">Aa</div>
<i>Guru : Murid- murid, huruf apakah ini?</i>
<i>Murid A : B cikgu !</i>
<i>Murid B : A cikgu ! eh, P cikgu !</i>

Kegagalan mengecam huruf di dalam kalangan murid-murid prasekolah seringkali menimbulkan masalah kepada proses pembelajaran langsung dalam kelas, pengecaman huruf yang tidak tepat menimbulkan kerisauan kepada saya. Rajah 1

: Kesalahan Memadankan Huruf Besar dan Kecil oleh Murid menunjukkan murid ini telah melakukan kesilapan memadankan huruf i dan huruf j.




Rajah 1 : Kesalahan memadankan huruf besar dan kecil oleh murid.



Rajah 2 : Murid tidak dapat membaca suku kata kerana tidak dapat mengecam huruf.

Rajah 3 merupakan maklumat mengenai peratus mengecam huruf di dalam kalangan murid-murid Prasekolah B di sekolah kajian yang telah dikumpul pada bulan Mac 2012.

Rajah ini menerangkan bahawa separuh daripada murid-murid prasekolah kajian tidak dapat mengecam huruf langsung. Walaubagaimanapun, 20 peratus dapat mengecam huruf dengan bimbingan yang berterusan daripada guru. Disamping itu juga, 30 peratus dapat mengecam huruf tanpa bimbingan. Berdasarkan daripada peratus pencapaian ini, saya dapat merumuskan bahawa separuh daripada kanak-kanak prasekolah kajian perlu menjalani intervensi untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran mengecam huruf. Intervensi yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah yang telah saya pilih iaitu dengan menggunakan lagu kanak-kanak.



Rajah 3 : Peratus Pencapaian Penguasaan Kemahiran Mengecam Huruf Murid-murid Prasekolah B untuk bulan Mac 2012.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka penggunaan kaedah lagu kanak-kanak dalam membantu meningkatkan penguasaan kemahiran mengecam huruf dalam sistem abjad rumi.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.


- Sejauhmanakah penggunaan lagu kanak-kanak dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran mengecam huruf di prasekolah?
- Bagaimanakah lagu kanak-kanak dapat membantu mereka mengecam huruf di prasekolah?
- Bagaimanakah penggunaan kaedah lagu kanak-kanak dapat memperbaiki nilai amalan pengajaran saya di dalam kelas?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Dalam kajian ini saya telah mengambil langkah-langkah yang mengetengahkan rekabentuk kajian tindakan yang terdiri daripada beberapa relung kitaran. Relung kitaran merupakan salah satu model dalam rekabentuk kajian tindakan. Kemmis (1983) berpendapat bahawa relung kitaran ini adalah untuk menunjukkan proses sesebuah kajian itu, dan pelaksanaannya yang saling berkaitan diantara satu sama lain.

Saya menggunakan Model Kemmis dalam kajian saya kerana proses kajian saya yang saling berkaitan antara satu sama lain. Model Kemmis ini seterusnya menunjukkan proses pelaksanaan kaedah yang berlaku sepanjang kajian yang saya jalankan.



Rajah 4 : Model Kemmis

Pelaksanaan Tindakan

Setelah memilih subjek kajian, saya mula menjalankan kaedah kajian. Memandangkan saya hanya berpeluang mengajar sebanyak sekali seminggu, ini menimbulkan sedikit masalah kepada saya untuk memastikan kekonsistenan kajian

berada pada tahap yang maksimum. Tetapi hal ini saya cuba atasi dengan meminta jasa baik guru untuk memberikan saya satu slot dalam pengajarannya untuk kajian saya.

Saya bermula dengan membuat carta lagu kanak-kanak yang telah dipilih. Pada permulaan pengajaran saya akan membaca lirik tersebut dan meminta murid untuk mendengar apa yang dibaca oleh saya. Kemudian saya akan mengajar lirik seterusnya menyanyikan lagu tersebut. Saya sendiri akan mengajar melodi lagu jika masih terdapat murid-murid yang tidak mengetahui lagu-lagu ini. Saya juga mengajar menggunakan kibod untuk memudahkan murid-murid mengikut melodi dan tangga nada yang betul.

Memandangkan objektif kajian saya ialah memastikan murid-murid bermasalah berjaya mengecam huruf, saya memilih lagu yang biasa didengar oleh murid-murid ini supaya lebih mudah dan senang untuk diingati. Lagu yang dipilih adalah "*Little Fingers*" dan "*Kereta Kecil*". Lagu dan lirik ini merupakan lagu yang telah diketahui dan dihafal oleh separuh daripada murid-murid prasekolah ini. Masalahnya adalah mereka tidak mengenali huruf-huruf yang terkandung di dalam lirik lagu ini. Jadi ini menimbulkan masalah dalam sesi membaca lirik lagu sebelum memulakan nyanyian. Walaubagaimanapun, saya membuat sesi kecil dimana murid yang tahu membaca akan membantu rakan mereka yang tidak tahu membaca lirik lagu berkenaan.

Jadual 1 memerihalkan tindakan saya dalam tempoh kajian dijalankan.

Jadual 1 : Langkah-langkah Pelaksanaan Kaedah Kajian Tindakan

Kaedah / Teknik	Penggunaan Lagu Kanak-kanak (<i>Nursery Rhymes</i>)
Cara Pelaksanaan	<p>Langkah 1 Murid akan diajar menyanyikan lagu kanak-kanak menggunakan carta lagu bergambar sehingga murid benar-benar dapat menghafal lagu tersebut</p> <p>Langkah 2 Murid akan diajar menyanyikan lagu kanak-kanak dengan iringan muzik untuk mendapatkan rentak dan tempo yang betul.</p> <p>Langkah 3 Beberapa perkataan yang dipilih diberi penekanan yang lebih kepada huruf. Murid akan diperkenalkan dengan huruf-huruf yang terlibat dalam lagu yang dinyanyikan.</p> <p style="text-align: center;"><i>Contoh : Kereta Kecil</i> (Saya akan meminta murid mengecam huruf yang saya sebut di dalam lirik lagu. Contohnya huruf K dan murid perlu ke depan dan menunjukkan huruf K tersebut di hadapan saya dan kelas)</p> <p>Langkah 4 Lagu kanak-kanak ini akan dinyanyikan sebagai salah satu rutin dalam prasekolah.</p>
Lagu Kanak-kanak	<p>Bahasa Melayu 1) Kereta Kecil</p> <p>Bahasa Inggeris 1) <i>Little Fingers</i></p>
Bahan Bantu Mengajar	CD rakaman lagu, Carta Bergambar, LCD Projektor, Lembaran Kerja, alat muzik.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan 6 orang murid Prasekolah B, SK Permata. 6 orang murid ini terdiri daripada 4 lelaki dan 2 perempuan. Mereka terdiri daripada murid-murid yang berumur diantara 4 hingga 6 tahun. Murid-murid ini dipilih berdasarkan prestasi akademik mereka di dalam kelas yang kurang memberangsangkan dan sangat lemah dalam kemahiran mengecam huruf.

104


Murid-murid ini juga mempunyai latar belakang pendidikan yang kurang baik dimana diantara mereka lahir daripada keluarga yang kurang didedahkan dengan kepentingan pendidikan. Selain itu, mereka juga dapat datang dari keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Etika Penyelidikan

Penyelidikan ini dijalankan dengan kebenaran bertulis daripada pihak sekolah tempat saya menjalankan kajian. Pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang juga telah membuat surat meminta kebenaran untuk saya menjalankan kajian di sekolah tersebut. Kajian yang dijalankan ke atas subjek juga adalah dengan izin ibu bapa subjek.

Teknik Mengumpul Data

Saya menggunakan cara pengumpulan data berasaskan satu rekabentuk model yang dibina oleh Hafidah (2000) dan Baharudin (2002) yang digelar sebagai "SODI". Model ini adalah hasil daripada pengubahsuaian model penilaian yang dikemukakan oleh Cronbach 1982, dalam Baharudin (2002). Model SODI digunakan untuk menyesuaikan pelaksanaan kajian prestasi. Dalam model ini, S merujuk kepada peringkat tinjauan (*survey*), O sebagai peringkat pemerhatian (*observation*), D sebagai penyemakan dokumen dan I adalah temubual (*interview*)



Rajah 5 : Model SODI Tatacara Kajian

Model ini menunjukkan perkaitan antara tinjauan, temubual, dokumen dan juga pemerhatian. Dalam kajian yang saya jalankan, saya telah melakukan tinjauan awal untuk mendapat data awal bagi melihat subjek yang saya kaji. Kemudian saya membuat pemerhatian ke atas subjek dan menemubual mereka untuk mengenalpasti masalah dan punca mereka mengalami masalah tersebut.

Teknik Menganalisis Data

Saya menggunakan beberapa instrumen dalam pelaksanaan kajian ini. Instrumen yang saya gunakan ialah borang pemerhatian dan temubual. Borang pemerhatian digunakan untuk mengumpul jumlah pemerhatian saya terhadap huruf-huruf yang dapat dicam oleh murid dalam masa. Jadual 2 dan 3 menunjukkan borang yang digunakan dan jumlah pemerhatian yang telah direkod sepanjang kaedah kajian dilaksanakan.

Jadual 2 : Jumlah Huruf Yang Dapat Dicam Murid untuk Lagu “Little Fingers”

Subjek	JUMLAH HURUF YANG DICAM			Jumlah huruf
	Lagu : Little Fingers			
	Huruf : Ll, Ss, Tt, Aa, Ee (Huruf yang berjaya dicam)			
	1	2	3	
Hawa	a	a	a, e	2
Allan	a, e	a,e,s,l	a, e, s	4
Eduard	a	a, e	a, e, l, t, s	5
Wan	a	a, e	a	2
Zul	a	a, e	a, e	2
Amal	a,e,s,l, t	a,e,s,l, t	a,e,s,l, t	5

Jadual 3 : Jumlah Huruf Yang Dapat Dicam untuk Lagu Kereta Kecil

Subjek	JUMLAH HURUF YANG DICAM			Jumlah huruf
	Lagu : Kereta Kecil			
	Huruf : Hh, Uu, Kk, Aa, Ee (Huruf yang berjaya dicam)			
	1	2	3	
Hawa	a	a	a, e	2
Allan	a	a, u, h	a, u, h, k	4
Eduard	a, e	a, e, h, k, u	a, e, h, k, u	5
Wan	a, e	a, e, h	a, e,h,k	4
Zul	a, e,	a, e,	a, e,	2
Amal	a, e, k	a, e, k, h, u	a, e, k, h, u	5

Teknik Menyemak Data

Saya menjalankan kaedah nyanyian ini ke atas 6 orang subjek yang telah dipilih. Pada peringkat permulaan saya memastikan mereka mengetahui lagu yang saya gunakan. Kemudian saya akan menunjukkan lirik lagu yang telah mereka nyanyikan. Saya meminta mereka mengecam beberapa huruf yang terkandung dalam lirik lagu tersebut mengikut dalam borang pemerhatian yang telah saya buat.

Selepas mengecam huruf, saya akan meminta mereka membaca huruf yang sama pada kad imbas yang telah saya pilih secara rawak. Jika subjek tidak dapat mengenalpasti huruf yang sama pada lirik lagu, bermakna subjek masih belum menguasai kemahiran mengecam huruf.

Data yang telah dikumpul di analisis dan saya membuat perbandingan antara keputusan awal kajian dan akhir kajian untuk melihat sejauhmana peningkatan yang ditunjukkan oleh subjek kajian saya. Jadual 4 merupakan perbandingan keputusan ujian awal dan akhir untuk kesemua subjek kajian saya.

Jadual 4 : Hasil Analisis Tinjauan Awal Jumlah Huruf yang Boleh Dicapai Oleh Subjek Kajian

Item / Subjek	Hawa	Allan	Eduard	Wan	Zul	Amal
Jumlah Huruf yang Dikenalpasti Betul	4	5	1	2	4	2
Peratus Pencapaian (%)	16	20	4	8	16	8

Keputusan tinjauan awal menunjukkan kesemua subjek adalah sangat lemah dalam menguasai kemahiran mengecam huruf. Kesemua mereka mendapat keputusan kurang daripada separuh daripada peratus penuh.

Jadual 5 : Hasil Analisis Intervensi Penggunaan Kaedah Lagu Kanak-kanak ke atas Subjek Kajian

Item / Subjek	Hawa	Allan	Eduard	Wan	Zul	Amal
Jumlah Huruf yang Dikenalpasti Betul	2	7	8	4	2	8
Peratus Pencapaian (%)	20	70	80	40	20	80

Keputusan ujian menunjukkan prestasi 4 daripada 6 subjek kajian meningkat dengan sangat cemerlang manakala dua lagi meningkat tetapi bukan pada tahap yang maksimum.

Jadual 6 : Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos


Subjek	Sebelum Ujian Pra (%)	Selepas Ujian Post (%)	Perbezaan (%)
Hawa	16	20	4
Allan	20	70	50
Eduard	4	80	76
Wan	8	40	32
Zul	16	20	4
Amal	8	80	72

Melalui jadual di atas, didapati :

- i. Hawa dan Zul hanya mendapat 16% pada ujian pra berbanding keputusan yang diperolehinya untuk ujian post sebanyak 20% yang menunjukkan peningkatan sebanyak 4%.
- ii. Allan menunjukkan prestasi yang agak lemah pada ujian pra dan mendapat 20% sahaja tetapi telah menunjukkan peningkatan sebanyak 50% kerana berjaya mengecam huruf lebih banyak daripada sebelum ini dan memperoleh keputusan 70%.
- iii. Eduard menunjukkan peningkatan yang paling cemerlang dimana murid ini meningkat sebanyak 76% dengan memperoleh keputusan akhir 80% berbanding semasa ujian pra yang hanya mendapat 4%.

- iv. Prestasi Wan turut meningkat tetapi pada tahap yang sederhana dimana murid ini meningkat sebanyak 32% hasil perbezaan ujian pra 8% dan Ujian post 40%
- v. Amal turut menunjukkan prestasi yang cemerlang dibawah Eduard dengan memperoleh keputusan 80% dalam ujian post dan meningkat sebanyak 72%.

Rajah 3 menunjukkan graf perbandingan antara ujian pra dan ujian post dalam penyelesaian masalah mengecam huruf dalam kalangan murid prasekolah kajian.



Rajah 3: Peningkatan Kemahiran mengecam huruf dalam kalangan murid prasekolah B

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Sejauhmanakah penggunaan lagu kanak-kanak dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran mengecam huruf di prasekolah?

Selepas kajian dijalankan, penggunaan lagu kanak-kanak adalah antara kaedah yang dapat membantu murid-murid prasekolah dalam mengenal huruf dengan lebih baik. Carta lirik lagu yang digunakan haruslah menarik perhatian murid selain pematangan suku kata dalam setiap perkataan dalam carta lirik lagu tersebut ditekankan. Hal ini adalah untuk memudahkan murid-murid prasekolah membacanya.

Daripada data yang telah dikumpul, setiap peringkat pemerhatian, kebanyakan subjek menunjukkan peningkatan. Contohnya subjek yang bernama Eduard, murid ini hanya dapat mengenal 2 huruf sahaja pada pemerhatian pertama tetapi pada penilaian kedua dan ketiga, huruf yang berjaya dicam adalah sebanyak lima

huruf. Hal ini menunjukkan Eduard telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran mengecam huruf.

Bagaimanakah lagu kanak-kanak dapat membantu mereka mengecam huruf di prasekolah?

Kanak-kanak adalah insan yang sukakan hiburan dan muzik. Setiap kali muzik dimainkan tidak kira apa-apa muzik sekalipun, kanak-kanak pasti berasa sangat gembira. Apatah lagi jika muzik yang diperdengarkan kepada mereka adalah muzik yang mereka sukai. Lagu kanak-kanak adalah lagu yang berunsurkan pembelajaran. Daripada lagu, nilai esestetika terhadap apresiasi muzik dapat dipupuk.

Saya menyepadukan nilai estetika berbentuk hiburan ini dengan pembelajaran berasaskan subjek teras. Saya menekankan konsep prabacaan agar murid-murid yang lemah sekurang-kurangnya dapat mengecam huruf dengan baik tanpa bimbingan.

Saya dapati, melalui lagu kanak-kanak, murid dapat mengenal huruf dengan lebih baik. Pada permulaan, murid prasekolah harus menyanyi mengikut nada, melodi daripada teknik hafalan mereka. Seterusnya mereka harus mengecam dan menyebut huru-huruf yang terdapat dalam lirik lagu secara rawak dan memadankan huruf tersebut pada kad imbas yang diberikan kepada mereka selepas sesi nyanyian selesai. Strategi seterusnya ini dapat mengukuhkan ingatan murid-murid prasekolah kajian ini.

Refleksi Penilaian Tindakan

Kajian tindakan yang saya laksanakan ini mengemukakan kaedah menyanyi sambil mengecam huruf. Pada permulaan kajian saya berasa kurang yakin bahawa saya akan mendapat keputusan yang memberangsangkan. Dalam proses pelaksanaan kajian ini, saya dapati hasil daripada kaedah ini menampakkan keputusan yang agak memberangsangkan dan memberikan saya semangat untuk meneruskan kajian ini. Tidak dinafikan sepanjang perjalanan proses kajian ini terdapat beberapa masalah timbul terutamanya dalam tindakan yang saya ambil.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Selepas menjalani kajian tindakan ini, saya telah dapat membaiki mutu pengajaran dan pembelajaran saya. Saya berjaya membimbing 4 orang pelajar saya menguasai kemahiran mengecam huruf dengan betul. Murid melahirkan perasaan cukup gembira kerana telah mengecam semua huruf yang telah diajar melalui kaedah nyanyian ini. Dari segi minat terhadap pengajaran dan pembelajaran pula, murid-murid lebih berminat membaca huruf dengan menggunakan kaedah nyanyian daripada menulis kerana dengan nyanyian mereka dapat menghafal dan mengecam huruf dengan lebih cepat.

Pada permulaan kajian ini, saya berasa sangat keliru dan kurang faham tentang apa yang dijalankan walaupun telah berkali-kali diterangkan oleh pensyarah. Alhamdulillah sekarang saya dapat melaksanakan kajian ini dengan jayanya walaupun objektif saya tidak 100% tercapai dimana 2 orang murid tidak dapat

dibimbing dengan menggunakan kaedah ini sahaja. Daripada kajian ini juga saya mendapati ramai guru-guru menjalankan pengajaran dengan baik tetapi tidak merekodkan perkara-perkara penting perkembangan murid-murid bimbingan.

Ini merupakan salah satu kejayaan saya sebagai guru pelatih yang sedang menjalani latihan untuk menjadi guru kelak. Sekarang saya telah berjaya membantu beberapa murid saya untuk mengecam huruf, siapa tahu suatu hari nanti saya dapat membantu murid-murid saya meningkatkan prestasi akademik mereka.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Saya berharap kajian yang telah saya jalankan ini dapat membantu mengatasi masalah kemahiran mengecam huruf dalam kalangan murid prasekolah. Kaedah mengecam huruf menggunakan teknik nyanyian diharap dapat diperluaskan oleh pengkaji lain pada masa akan datang. Melalui kajian yang telah saya jalankan, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan seterusnya sebagai kesinambungan daripada kajian ini.

Antara cadangan saya ialah dengan menggunakan instrumen penilaian yang lain selain daripada instrumen penilaian yang saya telah gunakan dalam penyelidikan ini. Contohnya adalah menggunakan rekod anekdot. Perkembangan dan peristiwa yang berlaku dalam proses pembelajaran harian murid-murid dapat direkodkan. Melalui rekod ini, guru dapat melihat kembali perkara-perkara yang mungkin terlepas pandang pada hari-hari yang lepas.

Seterusnya berkolaborasi secara terus dengan pihak sekolah dan ibu bapa. Seperti dalam kajian yang saya jalankan, saya hanya melibatkan sekolah dan ibu bapa pada tinjauan awal masalah saya. Pihak-pihak ini boleh dilibatkan secara langsung dalam menayakan kajian yang semasa dan selepas pelaksanaan kajian untuk hasil yang lebih memberangsangkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, Ainon Mohd (2005), *Mendorong Kreativiti Kanak-kanak Edisi Kemas Kini* :Selangor Darul Ehsan, PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Adam Winsler (2009), *Early Childhood Research Quarterly* : St Louis, National Association for The Education of Young Children.
- Deasy Harianti (2011) *Kaedah Meningkatkan Kuasa Memori (Memory Power)*: Kuala Lumpur, SA Majeed & Co. Sdn Bhd.
- Haliza Hamzah, Joy Nesamalar Samuel (2008), *Siri Pendidikan Guru : Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku* : Selangor Darul Ehsan, Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hillary Awan (2005) *“Bacalah Sayang.* Dalam Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan 2005, Terbitan Bersama Maktab Perguruan Batu Lintang & Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Serian. 71-81.

*Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Prasekolah amb. Januari 2009,
Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms.98-111.*

Nani Menon, Prof Madya Dr. Rohani Abdullah (2003), *Panduan Mengembangkan Daya Fikir Kanak-kanak Prasekolah* : Pahang Darul Makmur, PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Noraini Ahmad (1993), *Mengekalkan Daya Ingatan* : Kuala Lumpur, Berita Publishing Sdn. Bhd.

PISMP Ambilan Januari 2008 (2011), *Jurnal Penyelidikan Tindakan*, Sarawak, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Jilid 5.

Taylor & Francis Group (2009), *Volume 20, Number 5 : Early Education and Development*, Philadelphia.

Yusuf Al-Aqsary (2010) *Teknik Ingatan : Kaedah Mengatasi Lupa dan Lemah Ingatan* : Selangor Darul Ehsan, Jasmin Enterprise.